

24 DEC 1998

Cuepacs - kempen

CUEPACS CADANG KEMPEN MEMBELI RUMAH DILANJUT ENAM BULAN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Cuepacs hari ini mencadangkan agar tempoh kelonggaran syarat permohonan pinjaman perumahan bagi kakitangan kerajaan selama sebulan berakhir 12 Jan ini, dilanjutkan enam bulan lagi.

Presidennya N. Siva Subramanian juga mencadangkan agar Kempen Membeli Rumah yang sedang berlangsung, dilanjutkan kepada enam bulan.

"Ini untuk memberi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah memiliki rumah," katanya dalam satu kenyataan.

Berdasarkan kelonggaran itu yang diberikan oleh kerajaan sepanjang kempen berkenaan, kakitangan awam berjawatan tetap layak mendapatkan pinjaman perumahan walaupun belum disahkan ke dalam jawatan.

Kempen itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis lepas dengan tujuan merangsang pertumbuhan sektor perumahan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mencergaskan semula ekonomi.

Siva Subramaniam juga mencadangkan agar kempen secara besar-besaran dijalankan di semua pejabat kerajaan seluruh negara dan lebih banyak rumah kos rendah dibina bagi kumpulan kakitangan berpendapatan rendah.

Beliau berkata keberkesanan kempen itu banyak terletak kepada sikap pemaju sendiri.

"Mereka hendaklah jujur dalam urusan jual beli rumah termasuk soal insentif yang ditawarkan kepada pembeli," katanya.

Semalam Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata kempen pemilikan rumah berjaya menarik pembelian lebih RM1 bilion dalam tempoh kurang dua minggu ianya dilancar.

Beliau berkata perkembangan itu menunjukkan tanda-tanda memberangsangkan dalam pemulihan ekonomi negara terutama bagi sektor hartanah.

Sepanjang kempen itu, pembeli rumah ditawarkan antaranya potongan harga sehingga 15 peratus.

-- BERNAMA

AKT MAI